



KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK

TAKLIMAT MS ISO 37001 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)

KANDUNGAN

1

OBJEKTIF

2

PENSIJILAN ABMS DAN KEPENTINGANNYA

3

DEFINASI RASUAH

4

KESALAHAN RASUAH

5

POLISI BERKAITAN ABMS

6

KOMITMENT PIHAK BERKEPENTINGAN

OBJEKTIF TAKLIMAT


01 MEMAKLUMKAN PELAKSANAAN DAN PENSIJILAN ABMS MTCP

02 MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG KESALAHAN BERKAITAN DENGAN JENAYAH RASUAH

03 MENINGKATKAN KESEDARAN DAN KOMITMEN PEMEGANG TARUH/PIHAK BERKEPENTINGAN MENURUT PIAWAIAN ABMS



KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK



PENSIJILAN ABMS MTCP



SIJIL MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS)

Tarikh dikeluarkan : 29 Ogos 2024

No. Pensijilan : ABMS 00342

Tarikh luput : 28 Ogos 2027


Skop Pensijilan :
**Sistem Pengurusan Anti-bribery Merangkumi Pengurusan
Penyaluran Geran Acara, Pengurusan Penyaluran Geran
Kajian Dan Penyelidikan Dan Proses Sokongan Melibatkan
Pentadbiran, Perolehan Dan Kewangan Serta Undang-
undang**

Skop Tambahan 2026 :
**Pengurusan Pemohonan Lesen Perniagaan Pengendalian
SMM2H**



APA ITU ABMS & KEPENTINGANNYA

- ❑ Sistem kawalan dalaman Organisasi yang direka membantu MTCP dalam mencegah, mengesan, menangani dan menambahbaik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan



DEFINASI RASUAH




Menawar, menjanjikan, memberi, menerima atau meminta kelebihan yang tidak wajar bagi sebarang nilai (kewangan atau bukan kewangan), secara langsung atau tidak langsung, dan tanpa mengira lokasi, bagi tujuan melanggar undang-undang yang terpakai, sebagai dorongan atau ganjaran bagi seseorang itu bertindak atau menahan dirinya daripada bertindak berhubung dengan pelaksanaan tugas rasminya.




KESALAHAN RASUAH :


AKTA SPRM 2009




**MEMINTA/
MENERIMA RASUAH**
- **SEKSYEN 16(a)/17(a)**



**MENAWAR/ MEMBERI
SUAPAN**
- **SEKSYEN 16(b)/17(b)**



**MENGEMUKAKAN
TUNTUTAN PALSU**
- **SEKSYEN 18**




**SALAHGUNA KUASA/
KEDUDUKAN**
- **SEKSYEN 23**

HUKUMAN

**5 x GANDA NILAI SUAPAN
ATAU RM10,000 YANG MANA
LEBIH TINGGI**

DAN

**PENJARA MAKSIMUM
20 TAHUN**



KESALAHAN RASUAH : AKTA SPRM 2009

KESALAHAN



GAGAL MELAPORKAN
PEMBERIAN, JANJI ATAU
TAWARAN RASUAH
- **SEKSYEN 25 (1) & (2)**



GAGAL MELAPORKAN
PERMINTAAN ATAU
MEMPEROLEH SUAPAN
- **SEKSYEN 25 (3) & (4)**

HUKUMAN

DENDA: TIDAK MELEBIHI RM100,000
PENJARA : MAKSIMA 10 TAHUN
ATAU KEDUA-DUANYA

DENDA: TIDAK MELEBIHI RM10,000
PENJARA : MAKSIMA 2 TAHUN
ATAU KEDUA-DUANYA



KESALAHAN RASUAH :

SEKSYEN 17 A AKTA SPRM 2009

ORGANISASI KOMERSIL

1

ORGANISASI
DIPERBADANKAN DI
BAWAH AKTA
SYARIKAT 2016

2

PERNIAGAAN
DITUBUHKAN DI
BAWAH AKTA
PERKONGSIAN
1961

3

PERNIAGAAN
DITUBUHKAN
DI BAWAH AKTA
PERKONGSIAN
LIABILITI TERHAD
2012

4

SYARIKAT ATAU
PERNIAGAAN
LUAR NEGARA
MENJALANKAN
PERNIAGAAN DI
MALAYSIA

KESALAHAN

**MENAWARKAN, MENJANJIKAN ATAU MEMBERI SUAPAN UNTUK
MEMPEROLEH ATAU MENGEKALKAN PERNIAGAAN;
UNTUK MEMPEROLEH ATAU MENGEKALKAN FAEDAH DALAM
MENJALANKAN PERNIAGAAN**
- SEKSYEN 17 A

HUKUMAN

DENDA:

**TIDAK KURANG 10 KALI GANDA
NILAI SUAPAN ATAU RM1JUTA
YANG MANA LEBIH TINGGI**

ATAU



PENJARA:

MAKSIMA 20 TAHUN

POLISI BERKAITAN ABMS

POLISI ANTI RASUAH

KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN SARAWAK (MTCP)

Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) beriltizam untuk memantapkan kecekapan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik berlandaskan enam (6) nilai bersama Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS). MTCP komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti di dalam urusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan Kementerian berdasarkan pendekatan toleransi-sifar terhadap rasuah.

Setiap warga kerja, individu dan pihak ketiga yang mewakili MTCP perlu menjaga nilai-nilai integriti, kejujuran dan profesionalisme di tahap yang tertinggi pada setiap masa sepanjang penglibatan mereka dengan MTCP.

Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Pemberi Maklumat MTCP (*Whistle Blower Policy*), Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan MTCP, Garis Panduan Pengurusan Hadiah untuk PANS, Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan MTCP dan Kod Etika dan Tatakelakuan PANS.

Pengurusan Tertinggi MTCP akan melaksana dan menguatkuasa polisi berikut:

- Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang lain yang berkaitan, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan di dalam melaksanakan tugas mereka;
- Pihak Pengurusan Tertinggi dan Badan Tadbir Urus MTCP komited untuk melaksanakan kawalan dan penambahbaikan secara berterusan menerusi Sistem Pengurusan Anti Rasuah MTCP (MS ISO 37001);
- Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan aktiviti yang disyaki berunsur rasuah menerusi Polisi Pemberi Maklumat MTCP;
- Tidak memberi, berjanji untuk memberi, menawar, meminta atau menerima apa-apa hadiah yang bertentangan dengan Garis Panduan Pengurusan Hadiah untuk PANS;
- Unit Integriti / Pasukan Petugas Pematuan bertanggungjawab memantau pematuan Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan melaporkan kepada Pengurusan Atasan dan Badan Tadbir Urus MTCP; dan
- Setiap warga kerja, individu dan pihak ketiga yang mewakili MTCP bertanggungjawab untuk membaca dan memahami Polisi ini. Sebarang ketidakpatuhan boleh menyebabkan tindakan tatatertib dan/atau prosiding undang-undang diambil terhadap pihak yang terlibat.

Polisi ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

HII CHANG KEE
SETIAUSAHA TETAP

KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN

POLISI ANTIRASUAH

POLISI PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLE BLOWER POLICY)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN SARAWAK (MTCP)

Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) komited untuk memastikan semua urusan dan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara profesional, adil dan berintegriti berlandaskan peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa. Tujuan polisi ini adalah untuk menyediakan saluran rasmi dan sulit untuk membolehkan warga kerja dan pihak luar melaporkan dengan suci hati, kebimbangan serius mengenai sebarang kelakuan tidak wajar dan/atau salah laku tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Whistleblowing ditakrifkan sebagai pendedahan sengaja, sukarela atau pelaporan penyelewengan oleh seseorang yang mempunyai maklumat tentang kelakuan tidak wajar yang sebenar, disyaki atau dijangka berlaku dalam organisasi atau oleh organisasi.

Kelakuan tidak wajar secara amnya digambarkan sebagai sebarang salah laku atau penyelewengan termasuk mana-mana yang berikut:

- Penipuan atau ketidakjujuran
- Suapan atau rasuah
- Penyalahgunaan kuasa
- Percanggahan kepentingan
- Kecurian atau penyelewengan
- Penyalahgunaan kedudukan dan maklumat MTCP
- Ketidakpatuhan kepada polisi dan prosedur

Polisi ini meliputi semua laporan yang dibuat terhadap mana-mana warga kerja MTCP yang telah melakukan kelakuan tidak wajar. Laporan boleh dibuat oleh:

- mana-mana warga kerja yang mempunyai pengetahuan tentang kelakuan tidak wajar yang dilakukan oleh warga kerja lain; dan/atau
- mana-mana pihak luar yang mempunyai pengetahuan tentang kelakuan tidak wajar yang dilakukan oleh warga kerja MTCP.

Sebarang laporan boleh dibuat kepada saluran pelaporan seperti berikut:

- Secara Bersemuka

Unit Integriti,
Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP)
Tingkat 16 (Sayap Kanan), Bangunan Baitulmakmur II,
Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching Sarawak

- Emel : integriti_tourism@sarawak.gov.my

- Borang E-Aduan : [mtcp](#)

POLISI PEMBERI MAKLUMAT

2
Pemberi maklumat boleh melaporkan terus kepada Suruhanjaya Penguatkuasaan (SPRM) atau mana-mana pihak berkuasa kawal selia dan di Malaysia seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan

Isytiharan terhadap dakwaan kelakuan tidak wajar, maklumat berikut
juga membuat pelaporan:
terlibat

in (apa dan bagaimana)
jika kelakuan tidak wajar yang didakwa berlaku
(ada)
berkaitan dan bukti sokongan jika ada


diberi perlindungan di bawah polisi ini selaras dengan Akta
maklumat 2010, dengan syarat aduan dibuat dengan suci hati.
diberikan walaupun penyiasatan kemudiannya mendedahkan
tersilap tentang dakwaan yang dilaporkan.

tarikh ia dikeluarkan.

HII CHANG KEE
SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
SARAWAK (MTCP)



KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK



POLISI BERKAITAN ABMS

POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN SARAWAK (MTCP)

Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti di dalam tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan Kementerian.

Selaras dengan komitmen tersebut, semua warga kerja MTCP adalah **DILARANG** untuk:

- membawa atau cuba membawa pengaruh luar atau mengemukakan apa-apa surat sokongan daripada mana-mana individu berpengaruh bagi menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan; dan
- menggunakan pengaruh luar atau surat sokongan sebagai **asas pertimbangan** atau arahan daripada individu berpengaruh dalam membuat keputusan.

Polisi ini terpakai ke atas semua warga kerja MTCP dan dijadikan panduan oleh individu berpengaruh, rakan niaga, pemegang taruh ataupun mana-mana pihak ketiga yang berurusan dengan warga kerja MTCP.

TAFSIRAN

Bagi maksud Polisi ini:

- Pengaruh luar** bermaksud apa-apa bentuk tekanan / desakan sama ada lisan, bukan lisan atau apa-apa bentuk yang lain daripada individu berpengaruh ke atas warga kerja MTCP yang bertujuan untuk menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan;
- Surat sokongan** bermaksud apa-apa komunikasi yang disampaikan sama ada secara bertulis atau lisan. Ini termasuk dalam bentuk surat, memo, minit, e-mel, khidmat pesanan ringkas (SMS, aplikasi teks mesej seperti *Whatsapp* dan Telegram), percakapan mulut, panggilan telefon atau apa-apa bentuk yang lain daripada individu berpengaruh ke atas warga kerja MTCP yang bertujuan untuk menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan;
- Individu berpengaruh** bermaksud individu yang mempunyai kedudukan dalam kerajaan atau hubungan dengan pihak-pihak berkuasa, orang kenamaan, ahli-ahli politik dan lain-lain;
- Warga kerja MTCP** merujuk kepada mana-mana pegawai yang berkhidmat di MTCP sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkutan, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik dan latihan industri;
- Pihak ketiga** bermaksud kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, rakan strategik, persatuan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau mana-mana pihak termasuk individu perseorangan yang berurusan dengan MTCP; dan
- Urusan rasmi** bermaksud semua urusan kerajaan seperti perolehan, pengurusan sumber manusia, MTCP.

Dalam mengurus pengaruh luar dan surat sokongan seperti berikut;

ara bertulis, hendaklah memfailkan dalam fail

ara lisan, hendaklah mencatatkan komunikasi utiran pihak yang memberi sokongan, tarikh dan nit fail yang berkaitan;

arkan secara bertulis sokongan yang diterima an atau tindakan lanjut; atau

rtentu atau tidak praktikal untuk melaporkan hendaklah dibuat kepada agensi Kerajaan yang

an adalah seperti berikut:

nya"

idak boleh sama sekali digunakan sebagai asas, kan sesuatu urusan rasmi. Sebaliknya, warga berdasarkan peruntukan undang-undang dan

TCP terhadap polisi ini disifatkan sebagai ingkar atatertib di bawah Perintah – Perintah Am 1/96).

kan.

POLISI PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN SARAWAK (MTCP)

Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti di dalam tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan Kementerian.

Selaras dengan komitmen tersebut, semua warga kerja MTCP adalah **DILARANG** untuk:

- Mempunyai **kepentingan peribadi / kewangan** dengan pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi dengan MTCP;
- Menyalurkan apa-apa **maklumat terperinci** berkaitan MTCP yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan dengan MTCP;
- Menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan **akaun peribadi** dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan MTCP;
- Menerima **yuran / komisen / apa-apa barangan bernilai** daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan MTCP; dan
- Menggunakan **kedudukan rasmi** untuk mengembangkan kemajuan kerjaya saudara dan sekutu di MTCP.

Polisi ini terpakai ke atas semua warga kerja MTCP dan dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga kerja MTCP.

TAFSIRAN

Bagi maksud Polisi ini:

- Percanggahan kepentingan** bermaksud apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan pegawai membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan awam; atau menggunakan kedudukannya bagi faedah diri sendiri, saudara atau sekutu.
- Warga kerja MTCP** merujuk kepada mana-mana pegawai yang berkhidmat di MTCP sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkutan, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik dan latihan industri.
- Saudara dan sekutu** merujuk kepada tafsiran 'saudara' dan 'sekutu' di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009 (Akta 694).
- Pihak ketiga** bermaksud kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, rakan strategik, persatuan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau mana-mana pihak termasuk individu perseorangan yang berurusan dengan MTCP.

n;
punyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana urusan rasmi dengan MTCP;
mengisytiharkan kepentingannya secara bertulis

nggantikan mana-mana warga kerja MTCP yang mempunyai kepentingan dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan; dan terlibat dalam percanggahan kepentingan dan terlibat dalam urusan rasmi dengan MTCP;
na-mana mesyuarat hendaklah mengisytiharkan kepentingan pada mesyuarat serta meninggalkan mesyuarat

merekodkan pengisytiharan kepentingan pegawai yang terlibat dalam urusan rasmi dengan MTCP.

MTCP terhadap polisi ini disifatkan sebagai ingkar tata tertib di bawah Perintah – Perintah Am 1/96).

arkan.



ANG KEE
AJAH TETAP
STRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
AK (MTCP)

POLISI PENGURUSAN PENGARUH
LUAR DAN SURAT SOKONGAN

POLISI PENGURUSAN
PERCANGGAHAN KEPENTINGAN



KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK



POLISI BERKAITAN ABMS

POLISI ANTIRASUAH

Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) beritizam untuk memantapkan kecekapan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik berlandaskan enam (6) nilai bersama Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS). MTCP komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti di dalam urusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan Kementerian berdasarkan pendekatan toleransi-sifar terhadap rasuah.

Setiap warga kerja, individu dan pihak ketiga yang mewakili MTCP perlu menjaga nilai-nilai integriti, kejujuran dan profesionalisme di tahap yang tertinggi pada setiap masa sepanjang penglibatan mereka dengan MTCP.

Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Pemberi Maklumat MTCP (*Whistle Blower Policy*), Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan MTCP, Garis Panduan Pengurusan Hadiah untuk PANS, Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan MTCP dan Kod Etika dan Tatakelakuan PANS.

Pengurusan Tertinggi MTCP akan melaksana dan menguatkuasa polisi berikut:

- Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang lain yang berkaitan, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan di dalam melaksanakan tugas mereka;
- Pihak Pengurusan Tertinggi dan Badan Tadbir Urus MTCP komited untuk melaksanakan kawalan dan penambahbaikan secara berterusan menerusi Sistem Pengurusan Anti Rasuah MTCP (MS ISO 37001);
- Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan aktiviti yang disyaki berunsur rasuah menerusi Polisi Pemberi Maklumat MTCP;
- Tidak memberi, berjanji untuk memberi, menawar, meminta atau menerima apa-apa hadiah yang bertentangan dengan Garis Panduan Pengurusan Hadiah untuk PANS;
- Unit Integriti / Pasukan Petugas Pematuhan bertanggungjawab memantau pematuhan Sistem Pengurusan Anti Rasuah dan melaporkan kepada Pengurusan Atasan dan Badan Tadbir Urus MTCP; dan
- Setiap warga kerja, individu dan pihak ketiga yang mewakili MTCP bertanggungjawab untuk membaca dan memahami Polisi ini. Sebarang ketidakpatuhan boleh menyebabkan tindakan tatatertib dan/atau prosiding undang-undang diambil terhadap pihak yang terlibat.

Polisi ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Hii Chang Kee
Setiausaha Tetap

Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak



KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK

POLISI PEMBERI MAKLUMAT

ANDA DILINDUNGI

LAPORKAN KELAKUAN TIDAK WAJAR WARGA MTCP

Pemberi maklumat akan diberi perlindungan dibawah Polisi Pemberi Maklumat MTCP selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dengan syarat aduan dibuat dengan suci hati. Perlindungan sedemikian diberikan walaupun penyiasatan kemudiannya mendedahkan bahawa pemberi maklumat tersilap tentang dakwaan yang dilaporkan.

Tingkat 16, Sayap Kanan,
Bangunan Baitulmakmur II, Medan Raya
93050, Kuching Sarawak

082-443812

082-442216

integrity_tourism@sarawak.gov.my



Borang Aduan Salah Laku Integriti
& Rasuah/Lodge Complaint

POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN

Semua warga kerja MTCP adalah **DILARANG** untuk:

- Membawa atau cuba membawa pengaruh luar atau mengemukakan apa-apa surat sokongan daripada mana-mana individu berpengaruh bagi menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan; dan
- Menggunakan pengaruh luar atau surat sokongan sebagai **asas pertimbangan** atau **arahan** daripada individu berpengaruh dalam membuat keputusan.

Perakuan-perakuan sokongan yang diterima tidak boleh sama sekali digunakan sebagai asas, merit atau kelayakan dalam mempertimbangkan sesuatu urusan rasmi.

Urusan rasmi bermaksud semua urusan kerajaan seperti perolehan, pengurusan sumber manusia, permohonan geran, pengurusan projek dan lain-lain hal berkaitan MTCP.

POLISI PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Penyataan Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan bertujuan memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara di samping memastikan setiap keputusan atau tindakan yang diambil oleh warga MTCP adalah telus serta berintegriti.




WARGA MTCP TIDAK DIBENARKAN

- Mempunyai kepentingan peribadi / kewangan dengan pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi dengan MTCP;
- Menyalurkan apa-apa maklumat terperinci berkaitan MTCP yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan dengan MTCP;
- Menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan akaun peribadi dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan MTCP;
- Mewujudkan hubungan akrab dengan pembekal atau individu berkepentingan dengan tugas awam yang boleh membawa kepada percanggahan kepentingan;
- Menerima yuran / komisen / apa-apa barangan bernilai daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan MTCP; dan
- Menggunakan kedudukan rasmi untuk mengembangkan kemajuan kerjaya saudara dan sekutu di MTCP.



KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK



POLISI PEMBERI MAKLUMAT

POLISI PEMBERI MAKLUMAT

ANDA DILINDUNGI

LAPORKAN KELAKUAN TIDAK WAJIB WARGA MTCP

Pemberi maklumat akan diberi perlindungan dibawah Polisi Pem selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dibuat dengan suci hati. Perlindungan sedemikian diberikan y kemudiannya mendedahkan bahawa pemberi maklumat terslap yang dilaporkan.



Tingkat 16, Sayap Kanan, Bangunan Baitulmakmur II, Medan Raya 93050, Kuching Sarawak

082-443812

082-442216

integrity_tourism@sarawak.gov.my


Borang Aduan Salah Laku Integriti & Rasuah/Lodge Complaint



BAGAIMANA UNTUK MELAPOR?

Sebarang laporan boleh dibuat kepada saluran pelaporan seperti berikut:

- Secara Bersemuka ;
Unit Integriti,
Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni
Persembahan Sarawak (MTCP)
Tingkat 16 (Sayap Kanan), Bangunan Baitulmakmur II,
Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching Sarawak
Tel : 082-443812
- Melalu Emel : integrity_tourism@sarawak.gov.my
- Melalui E-Borang Aduan Salah Laku Integriti (Sila Scan QR) :




**KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK**

POLISI HADIAH :

Garis Panduan Penerimaan Hadiah

Polisi ini menggariskan dengan jelas kategori hadiah dan situasi yang menentukan sama ada hadiah tersebut boleh diterima dan sama ada penerimaan hadiah tersebut memerlukan kelulusan Ketua Jabatan, tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Hadiah untuk Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak




**BILA
HADIAH
MENJADI KESALAHAN**

Menurut Perintah Am 156 (1), Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996, penjawat awam negeri tidak dibenarkan untuk menerima hadiah atau tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya, anak-anaknya (sekiranya ada, termasuk anak angkat), ibu-bapanya, saudara-maranya atau sekutunya untuk memberi/menerima hadiah yang berkaitan dengan tugas awamnya.

- Hadiah itu diterima atau diminta secara atau dengan niat rasuah bahawa ia adalah sebagai satu dorongan atau upah kepada penjawat awam bertujuan untuk melakukan atau tidak melakukan atau kerana telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas-tugas rasminya;
- Pemberi hadiah mempunyai hubungan dengan tugas rasmi penjawat awam itu sendiri atau dengan penjawat awam di bawah seliaannya dan pemberian serta penerimaan itu tidak dibuat dengan suci hati, sebaliknya dengan niat jenayah; atau
- Hadiah itu diterima dengan niat jenayah daripada seseorang, yang penjawat awam tersebut ketahui telah, sedang atau mungkin ada kena-mengena dalam apa-apa urusan yang telah dijalankan, atau akan dijalankan oleh penjawat awam tersebut.



KOMITMEN PIHAK BERKEPENTINGAN



01 PENGURUSAN TERTINGGI

04 PEMAIN INDUSTRI

02 WARGA KERJA MTCP

05 RAKAN NIAGA

03 AGENSI DIBAWAH MTCP

06 PELANCONG & PELAWAT



KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK



KOMITMEN MTCP

IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)



IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) (Corruption Free Pledge)

Bahawasa saya dengan dengan suci hati sesungguhnya berikrar sepanjang perkhidmatan saya dengan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak

- Saya akan mematuhi undang-undang, prosedur dan dasar-dasar negara mengenai pencegahan rasuah dan salah guna kuasa;
- Saya akan membenci dan menolak perlakuan rasuah dan salah guna kuasa serta memberikan kerjasama dalam mencegah perlakuan jenayah tersebut;
- Saya tidak akan melibatkan diri dalam perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan **Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak**
- Saya akan memastikan kakitangan di bawah seliaan saya tidak melibatkan diri dalam perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam apa-apa urusan berkaitan dengan **Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak** dan
- Saya akan melaporkan perlakuan rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan saya atau kakitangan di bawah seliaan saya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Tandatangan :
Nama :
No Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

Disaksikan oleh :

Tandatangan :
Nama :
No Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :




KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK

KOMITMEN AGENSI DIBAWAH MTCP

PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI JMS 2026



PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI JMS 2026



KOMITMEN AGENSI DIBAWAH MTCP

PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI MSS 2026



Jemputan ke
PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI MSS 2026

BERSAMA KITA MEMPERKUKUH INTEGRITI, MEMBINA KEPIMPINAN, MENGUKUHKAN KEBERSAMAAN

TARIKH
15 OGOS 2026 (SABTU)

MASA
6.30 PAGI – 2.00 PETANG

LOKASI PELEPASAN (KICK-OFF)
Old Court House
(Bersebelahan Tempat Letak Kereta Waterfront Hotel)

LOKASI PENUTUPAN PROGRAM
Dewan Tari MSS

PAKAIAN
Baju Sukan

Integriti Teras Kita, MSS Cemerlang Bersama!

Kerjasama
Kepimpinan
Komunikasi
Integriti

Bekerjasama
Berintegriti
MSS Maju




KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK

KOMITMEN AGENSI DIBAWAH MTCP

PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI STB 2026



PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI STB 2025



KOMITMEN PIHAK BERKEPENTINGAN

INTEGRITY PACT



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
SARAWAK

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

(BERKUATKUASA MULAI 1 NOVEMBER 2020)

DISUSUN OLEH:
PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
2020

Lampiran A

SURAT AKUAN OLEH PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI *Versi Bahasa Malaysia*

Saya, No. Kad Pengenalan (Awam / Tentera / Polis)
..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan;
- Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
- Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);
- Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan
- Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama	:		Nama Saksi *	:	
No. KP	:		No. KP	:	
(Awam/Tentera/Polis)	:		(Awam/Tentera/Polis)	:	
Tandatangan	:		Tandatangan	:	
Jawatan	:		Jawatan	:	
Tarikh	:		Tarikh	:	


*Disaksikan oleh Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan / Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif

Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan Negeri

Muka surat 10 daripada 20



KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK



KOMITMEN PIHAK BERKEPENTINGAN

DEKLARASI PEMBIDA/PEMOHON

Lampiran F

SURAT AKUAN PEMBIDA (Tajuk dan Nombor Rujukan Tender/Sebut Harga) Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan
yang mewakili (Nama syarikat / firma) no. Pendaftaran *UPKJ / ROS / SSM / ROB
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili
syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
(Nama Agensi) atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam
tender / sebut harga** seperti di atas. Bersama ini dilampirkan *Surat Perwakilan
Kuasa** bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat
pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (Nama Agensi) atau
mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam ***tender / sebut harga**
seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut
diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi ***tender / sebut harga** di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi ***tender / sebut harga** di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam ***tender / sebut harga** seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia (ISPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: ii *Potong mana yang tidak berkenaan.
iii **Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan Negeri

Lampiran G

SURAT AKAUN PEMBIDA BERJAYA (Tajuk dan Nombor Rujukan Tender/Sebut Harga) Versi Bahasa Malaysia

Saya, No. Kad Pengenalan
yang mewakili (Nama syarikat / firma) no. Pendaftaran *UPKJ / ROS / SSM / ROB
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili
syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
(Nama Agensi) atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam
tender / sebut harga** seperti di atas. Bersama ini dilampirkan *Surat Perwakilan
Kuasa** bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat
pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (Nama Agensi) atau
mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan ***tender / sebut harga** seperti
di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi ***tender / sebut harga** di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi ***tender / sebut harga** di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan
***tender / sebut harga** seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ISPRM)
atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: ii *Potong mana yang tidak berkenaan.
iii **Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

Lampiran H


KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN / CLAUSE ON PREVENTION OF CORRUPTION IN GOVERNMENT PROCUREMENT DOCUMENT

Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

- (a) Without prejudice to any other rights of the ***Government**, if the [Company /
Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for
corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement / Contract]
or any other agreement that the [Company / Firm] may have with the Government,
the Government shall be entitled to terminate this [Agreement / Contract] at any
time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company / Firm].
- (b) Upon such termination, the ***Government** shall be entitled to all losses, costs,
damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by
the Government arising from such termination.
- (c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company / Firm]
shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims
or whatsoever upon termination of this [Agreement / Contract].

***Nota :** Bagi Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, terma
"Government" hendaklah diganti dengan terma mengikut undang-undang
dan peraturan yang digunapakai oleh Agensi masing-masing.

SURAT AKUAN PEMBIDA DAN DEKLARASI PEMBIDA




KOMITMEN PEMEGANG TARUH


DEKLARASI PEMBIDA/PEMOHON BERJAYA

Lampiran C	Lampiran C
SURAT AKAUN PEMBIDA BERJAYA (Tajuk dan Nombor Rujukan Tender/Sebut Harga) Versi Bahasa Malaysia Saya, No. Kad Pengenalan yang mewakili (Nama syarikat / firma) no. Pendaftaran *UPKJ / ROS / SSM / ROB dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (Nama Agensi) atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *tender / sebut harga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan **Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini. 2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (Nama Agensi) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *tender / sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil: 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi *tender / sebut harga di atas; atau 2.2 Penamatan kontrak bagi *tender / sebut harga di atas; dan 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. 3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *tender / sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Yang Benar, (Nama dan No. KP) Cop Syarikat : Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan. ii) **Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa	SUCCESSFUL BIDDER'S DECLARATION (Tender / Quotation Title and Reference Number) Versi Bahasa Inggeris I, NRIC No. representing (Name of company / firm) with registration number *UPKJ / ROS / SSM / ROB hereby declare that I, or any individual(s) representing this company, shall not offer or give bribes to any individual(s) in (Name of Agency) or any other individual(s), as an inducement to be selected in the aforementioned *tender / quotation. I attach herewith a **Letter of Authorisation which empowers me, as a representative of the aforementioned company, to make this declaration. 2. If I, or any individual(s) representing this company, is offering or giving any bribes to any individual(s) in (Name of Agency) or any other individual(s) as gratification for being selected in the aforementioned *tender / quotation, I hereby agree, as a representative of the aforementioned company, for the following actions to be taken: 2.1 Revocation of the contract offer for the aforementioned *tender / quotation; or 2.2 Termination of the contract for the aforementioned *tender / quotation; and 2.3 Other disciplinary actions according to the Government procurement rules and regulations currently in force. 3. In the event where there is any individual(s) who attempts to solicit any bribe from me or any individual(s) related to this company as an inducement to be selected for the aforementioned *tender / quotation, I hereby pledge to immediately report such act(s) to the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) office or at the nearest police station. Sincerely, (Name and NRIC No.) Company Stamp : Note: i) *Delete whichever not applicable ii) **This declaration is to be submitted together with Letter of Authorisation

SURAT AKUAN PEMBIDA DAN DEKLARASI PEMBIDA YANG BERJAYA



KESIMPULAN



01 PATUHI UNDANG-UNDANG

04 AWASI RASUAH TANDA-TANDA

02 PATUHI POLISI DAN PROSEDUR


05 LAPORKAN RASUAH JENAYAH

03 KETAHUI AKIBAT DAN HUKUMAN JENAYAH RASUAH

06 TOLAK RASUAH



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK**



Sekian Terima Kasih



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, INDUSTRI KREATIF DAN
SENI PERSEMBAHAN SARAWAK**

